

Headline	RHB sasar premium tetap RM6 juta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Jun 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Bisnes	Page No	12
ArticleSize	171 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,751		



RHB sasar premium tetap RM6 juta



“ Essential PrimeLink memberikan pelanggan akses kepada dana diuruskan secara aktif yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga panjang.” - U Chen Hock

RHB Bank Bhd bersama-sama rakan bank, Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd, melancarkan pelan insurans hayat Essential PrimeLink.

Dalam satu kenyataan, Pengarah Eksekutif Perbankan Runcit Kumpulan Perbankan RHB, U Chen Hock berkata, menerusi pelancaran pelan baharu itu, RHB menyasarkan premium tetap RM6 juta bagi tempoh enam bulan akan datang.

Menurutnya, Essential PrimeLink bermatlamat memberi ketenangan fikiran kepada pelanggan berdasarkan jaminan yang mereka perlukan serta fleksibiliti untuk mereka meningkatkan tahap pelaburan berasaskan keperluan kewangan masing-masing.

“Essential PrimeLink memberikan pelanggan akses kepada dana diuruskan secara aktif yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga panjang.

“Pelanggan akan menikmati faedah

dengan hanya membayar premium sepanjang tempoh lima atau 10 tahun, memberikan mereka fleksibiliti untuk memilih terma pembayaran premium berdasarkan keupayaan kewangan mereka,” katanya.

Chen Hock berkata, Essential PrimeLink menyediakan perlindungan untuk kematian dan hilang upaya kekal sehingga 85 tahun.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life, Toi See Jong berkata, pihaknya memberi jaminan untuk melindungi sehingga RM300,000 jumlah diinsuranskan ke atas kematian atau kecacatan kekal dan menyeluruh dengan syarat dan terma tertentu.

“Kami mahu menyediakan pelanggan dengan perlindungan insurans hayat dengan hanya pendaftaran yang lebih mudah,” katanya.